

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PENGGUNAAN TOKEN SECURESIGN BAGI PERKHIDMATAN PBE

1. AM

- 1.1 Terma dan syarat dalam ini dan semua tambahan, pindaan dan perubahan padanya hendaklah secara kolektif merupakan perjanjian antara Pelanggan dengan Bank berkenaan dengan permohonan untuk dan penggunaan Token SecureSign oleh Pelanggan.
- 1.2 Terma dan Syarat ini diterima pakai bersama-sama dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe dan terma dan syarat, peraturan yang berkenaan yang diterima pakai bagi Akaun Simpanan dan Semasa ("Akaun") yang Pelanggan mengakui telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi tanpa syarat atau had.
- 1.3 Sekiranya terdapat percanggahan atau ketakseragaman antara Terma dan Syarat dalam ini dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe serta peraturan yang mengawal Akaun berkenaan, Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe akan diterima pakai untuk tujuan pentafsiran bagi penggunaan Token SecureSign.
- 1.4 Perkataan-perkataan yang membawa makna mufrad meliputi juga angka jamak dan sebaliknya.
- 1.5 Perkataan-perkataan yang membawa makna genus maskulin meliputi juga genus feminin dan neuter.

2. TAFSIRAN

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya, perkataan/ungkapan di bawah akan membawa maksud yang berikut:

- 2.1 '**Bank**' bermaksud Public Bank Berhad atau Public Islamic Bank Berhad.
- 2.2 '**Token SecureSign**' bermaksud peranti digital yang dikenali sebagai VASCO Digipass DP270XH yang dibuat oleh VASCO Data Security International GmbH dan yang akan membolehkan penandatanganan digital dan kelulusan suatu urusan niaga oleh Pelanggan.
- 2.3 '**PBe**' bermaksud perkhidmatan Perbankan Internet Bank.
- 2.4 '**PIN**' bermaksud Nombor Pengenal Peribadi 6 digit untuk mengakses Token SecureSign.

3. TOKEN SECURESIGN

- 3.1 Token SecureSign hanyalah untuk Pelanggan dan hanya boleh digunakan bersama-sama dengan akaun User ID dan Kata Laluan Perbankan Internet Pelanggan untuk membenarkan urusan niaga perbankan internet Pelanggan. Token SecureSign tidak boleh dikongsi dengan sesiapa pun.
- 3.2 Token SecureSign akan hanya disediakan untuk Pelanggan mengikut budi bicara Bank, selepas Pelanggan menyempurnakan sepenuhnya dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Bank dan kos berkaitan bagi Token SecureSign telah didebitkan daripada akaun Pelanggan.
- 3.3 Caj yang berikut akan dikenakan:

Korporat:

- (i) Fi Token SecureSign ialah RM50 bagi setiap unit* (sekali caj)

- (ii) Fi Sokongan dan Penyelenggaraan ialah RM20 bagi setiap Perbadanan*.

Runcit:

- (i) Fi Token SecureSign ialah RM50 bagi setiap unit* (sekali caj)

* Dikecualikan mulai 1 Oktober 2014

- 3.4 Fi penggantian sebanyak RM50 seunit akan dikenakan untuk token yang hilang atau rosak disebabkan oleh kecuaiian pelanggan
- 3.5 Bank akan hanya mengeluarkan Token SecureSign kepada Pengguna Dibenarkan.
- 3.6 Apabila Token SecureSign dikeluarkan, semua urusan niaga perbankan internet yang menggunakan akaun Pelanggan hendaklah dianggap sebagai telah dijalankan atau diurusniagakan oleh Pelanggan dan Pelanggan akan menanggung rugi Bank bagi apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, liabiliti atau saman, tindakan dan ganti rugi yang ditanggung oleh Pelanggan berikutan daripada urusan niaga berkenaan.
- 3.7 Pelanggan akan menyimpan Token SecureSign dengan cermat dan selamat dan akan memaklumkan kepada Sokongan Pelanggan PBe dengan serta-merta melalui talian 03-21795000 atau Cawangan Pemegang Akaun sekiranya Token SecureSign hilang, dicuri atau disalahgunakan. Selepas menerima makluman secara bertulis, Bank akan menyahaktifkan Token itu dan mendapatkan unit gantian apabila caj yang berkenaan dibayar.
- 3.8 Token SecureSign ialah satu peranti keselamatan yang memastikan ketulenan dan kesahan urusan niaga perbankan dalam talian yang dibuat dan diluluskan. Nombor Pengenalan Diri (PIN) diperlukan untuk mengakses Token SecureSign.
- 3.9 Pelanggan dinasihatkan agar mengambil tindakan pencegahan semasa menggunakan Token SecureSign:
 - (i) Jangan beritahu nombor PIN SecureSign kepada sesiapa pun. Jangan tulis nombor PIN di mana-mana sekali pun. PIN yang betul akan membolehkan akses kepada Token.
 - (ii) Apabila mewujudkan PIN, elakkan PIN yang lemah seperti 111111, 222222, 123456 dsb.
 - (iii) Sekiranya keselamatan nombor PIN dicerobohi, tukar nombor PIN dengan serta-merta.
 - (iv) Simpan Token SecureSign di tempat yang selamat. Jika Token SecureSign hilang, hubungi Sokongan Pelanggan PBe melalui talian 03-21799999 atau Cawangan Pemegang Akaun.
 - (v) Log masuk ke PBe menggunakan User ID PBe dan Kata Laluan serta nombor PIN bagi Token SecureSign. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan sama sekali atas penggunaan Token SecureSign itu.
 - (vi) Token SecureSign adalah peranti elektronik yang mudah pecah yang mempunyai kasing, skrin LCD dan elektronik di dalamnya yang mudah pecah jika tidak digunakan mengikut arahan pembuatnya. Token SecureSign tidak boleh dimasukkan dalam apa-apa cecair, didedahkan kepada suhu yang terlalu tinggi atau dibengkokkan.
 - (vii) Token SecureSign tidak mempunyai alat ganti yang boleh diselenggara dan baterinya juga tidak boleh ditukar.

4. PENAFIAN JAMINAN DAN KEBOLEHDAGANGAN

- 4.1 Pelanggan dengan jelas memahami dan bersetuju bahawa penggunaan perkhidmatan dan Token SecureSign adalah atas risiko Pelanggan itu sendiri. Perkhidmatan tersebut disediakan atas dasar boleh guna. Bank dengan jelas menolak semua jaminan dalam apa juga bentuk, sama ada yang dinyatakan atau yang tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kebolehdagangan tersirat, kesesuaian untuk tujuan tertentu bagi Token SecureSign itu dan tiada pencabulan hak mana-mana pihak ketiga.
- 4.2 Bank tidak menjamin bahawa:
- (i) Perkhidmatan itu akan memenuhi keperluan Pelanggan;
 - (ii) Perkhidmatan itu tidak akan terganggu, tepat pada masanya, selamat atau tiada kesilapan;
 - (iii) Keputusan yang diperoleh daripada penggunaan perkhidmatan ini adalah tepat dan boleh dipercayai;
 - (iv) Kualiti apa-apa produk, perkhidmatan, maklumat atau bahan lain yang dibeli atau diperoleh oleh Pelanggan melalui perkhidmatan ini akan memenuhi kehendak Pelanggan, dan apa-apa kesilapan dalam teknologinya akan diperbetulkan;
 - (v) Apa-apa nasihat atau maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, yang diperoleh oleh Pelanggan daripada Bank melalui atau daripada perkhidmatan ini tidak akan menyebabkan wujudnya apa-apa jaminan yang tidak disebut dengan jelas dalam terma ini.

5. TANGGUNG RUGI

- 5.1 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya terhadap mana-mana dan/atau semua liabiliti, kerugian, ganti rugi, penalti, tindakan, keputusan, kos, perbelanjaan atau pengeluaran dalam apa juga bentuk yang boleh dikenakan, dialami oleh atau ditegaskan terhadap Bank berkaitan dengan apa-apa kenyataan, representasi, komunikasi, tindakan dan/atau ketertinggalan dalam apa juga cara berkenaan dengan atau berikutan daripada kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan atau kemungkiran atau ketertinggalan, kelewatan, keingkaran atau kegagalan Pelanggan untuk memenuhi tanggungjawabnya mengikut Terma dan Syarat ini seperti yang dinyatakan dalam ini atau bagaimana sekali pun disebabkan oleh Pelanggan dan/atau mana-mana pegawai dan kakitangannya dalam menjalankan tanggungjawabnya mengikut Terma dan Syarat ini.
- 5.2 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi penipuan atau penggunaan secara tidak sah Token SecureSign dan/atau apa-apa arahan yang dikatakan diterima daripada Pengguna yang dibenarkan atau apa-apa kerugian (termasuk kerugian turutan), ganti rugi atau liabiliti apa juga sekali pun yang ditanggung dan/atau dialami oleh Pelanggan berikutan daripadanya kecuali disebabkan oleh kecuaiannya atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank.
- 5.3 Tanggungjawab Pelanggan dalam ini adalah berterusan selepas penamatan mana-mana Perkhidmatan PBe kepada Pelanggan oleh mana-mana pihak.

6. DASAR ANTI-SOGOKAN DAN ANTI-RASUAH BANK

Bank telah melaksanakan Dasar Anti-sogokan dan Anti-rasuah, dengan menerima pakai "pendekatan sifar toleransi" bagi apa-apa bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Pelanggan diminta melayari laman web Bank <https://www.publicbankgroup.com/About-Us/Board-of-Director/Anti-Bribery-and-Anti-Corruption-Policy>. Bank berhak untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya Pelanggan atau mana-mana pegawai atau ejennya didapati terlibat dalam apa-apa bentuk amalan sogokan atau rasuah.

Saya/Kami menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.